



**MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
BERHUBUNG
PERINTAH GAJI MINIMUM**

**Disediakan oleh:
Sekretariat
Majlis Perundingan Gaji Negara**

FAQ PERINTAH GAJI MINIMUM

SOALAN-SOALAN LAZIM BERHUBUNG PERINTAH GAJI MINIMUM (PGM)

PENGENALAN

1. Malaysia telah melaksanakan **Dasar Gaji Minimum** bermula 2011 apabila Akta Majlis Perundingan Gaji Negara [Akta 732] digubal. Perintah Gaji Minimum (PGM) pertama telah diwartakan pada 2012. Sehingga kini terdapat enam (6) PGM dan yang terkini adalah PGM 2024.
2. Proses penetapan gaji minimum adalah melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732].
3. Objektif Dasar Gaji Minimum adalah untuk:
 - i. memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dapat dipenuhi;
 - ii. memberikan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja-pekerja;
 - iii. menggalakkan industri meningkatkan rantaian pengeluaran dengan melabur dalam intensif teknologi dan meningkatkan produktiviti buruh; dan
 - iv. mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing tidak mahir.

FAQ PERINTAH GAJI MINIMUM

SOALAN ASAS

1. Apakah definisi “gaji minimum”?

Definisi “gaji minimum” di bawah seksyen 2, Akta 732 adalah **gaji pokok**. Ia tidak termasuk elaun, insentif atau apa-apa bayaran tambahan yang dibuat kepada pekerja.

2. Bilakah tarikh kuat kuasa PGM ini?

A. **Pada 1 Februari 2025**, pelaksanaan gaji minimum RM1,700 sebulan kepada:

- i. majikan yang mengambil lima orang pekerja atau lebih; dan
- ii. majikan yang menjalankan suatu aktiviti profesional tanpa mengira bilangan pekerja yang digajikan oleh majikan tersebut.

(Suatu aktiviti profesional adalah merujuk kepada pengkelasan *Malaysia Standard Classification of Occupations* (MASCO) 2020 sebagaimana yang diterbitkan secara rasmi oleh Kementerian Sumber Manusia. Perincian adalah seperti *)

B. **Pada 1 Ogos 2025**, pelaksanaan gaji minimum RM1,700 sebulan kepada semua majikan yang menggajikan pekerja (tempoh penangguhan majikan yang menggajikan kurang daripada lima orang pekerja telah tamat).

*Aktiviti profesional merujuk kepada pengkelasan MASCO di bawah Kumpulan Utama 2: Profesional, terdapat sembilan kumpulan sub utama, iaitu

- profesional sains dan kejuruteraan;
- profesional kesihatan;
- profesional perguruan;
- profesional perniagaan dan pentadbiran;
- profesional teknologi maklumat dan komunikasi;
- profesional perundangan;

FAQ PERINTAH GAJI MINIMUM

- profesional perkhidmatan hospitaliti dan yang berkaitan;
- profesional sosial dan kebudayaan; dan
- profesional badan pengawalaturan.

*Maklumat ringkas pengkelasan ini seperti di Lampiran

*Untuk maklumat lanjut mengenai MASCO sila layari:

<https://emasco.mohr.gov.my/masco>

3. Berapakah kadar gaji minimum?

Kadar gaji minimum adalah RM1,700 sebulan bagi seluruh negara dan pecahan bayaran mengikut hari dan jam adalah seperti di bawah:

Seragam seluruh negara	Kadar gaji minimum				
	Bulanan	Harian			Setiap jam
		Bilangan hari bekerja dalam seminggu			
	RM1,700	6	5	4	RM8.72
RM65.38		RM78.46	RM98.08		

Berhubung dengan seseorang yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, tugas, perjalanan atau komisen, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu hendaklah tidak kurang daripada gaji minimum bulanan semasa iaitu RM1,700.

4. Bolehkah majikan membayar gaji pokok yang lebih rendah daripada gaji minimum sekiranya dipersetujui oleh pekerja?

Tidak boleh kerana ianya merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 43, Akta 732. Majikan wajib membayar kadar gaji minimum kepada pekerja walaupun pekerja bersetuju untuk majikan membayar gaji pokok yang lebih rendah daripada gaji minimum.

FAQ PERINTAH GAJI MINIMUM

5. PGM terpakai kepada siapa?

PGM terpakai kepada semua pekerja termasuk pekerja bukan warganegara di sektor swasta kecuali pekhidmat domestik dan kontrak perantisan.

6. Mengapakah pekerja asing/bukan warganegara tidak dikecualikan daripada PGM ?

Kerajaan menetapkan bahawa PGM meliputi semua pekerja termasuk pekerja asing/bukan warganegara berasaskan sebab-sebab berikut:

- i. dasar gaji minimum hendaklah tidak mendiskriminasi seseorang pekerja atas alasan kewarganegaraan, selaras dengan Konvensyen ILO No.100: *Equal Remuneration* yang mana telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1997;
- ii. ianya bertentangan dengan seksyen 69F Akta Kerja 1955 [Akta 265], seksyen 118B Ordinan Buruh Sabah [Bab 67] atau seksyen 119B Ordinan Buruh Sarawak [Bab 76] yang tidak membenarkan sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja tempatan dan pekerja asing;

7. Apakah implikasi undang-undang apabila PGM 2024 diwartakan?

Implikasi undang-undang apabila PGM 2024 diwartakan adalah:

- i. PGM 2022 terbatal. Walau bagaimanapun, apa-apa prosiding undang-undang, pendakwaan atau siasatan yang dibuat di bawah PGM 2022 adalah diteruskan sehingga selesai; dan
- ii. semua kontrak perkhidmatan dan perjanjian kolektif hendaklah mengambil kira semua peruntukan dalam PGM 2024.

FAQ PERINTAH GAJI MINIMUM

8. Adakah pelaksanaan PGM bertentangan dengan amalan *Productivity-Linked Wage System (PLWS)*?

Tidak. Pelaksanaan PGM tidak bertentangan dengan amalan majikan yang melaksanakan PLWS dengan syarat pekerja tidak menerima kadar yang kurang daripada kadar gaji minimum.

9. Adakah gaji minimum akan digantikan oleh Dasar Gaji Progresif?

Tidak. Dasar Gaji Progresif adalah pelengkap kepada gaji minimum dan dilaksanakan secara sukarela oleh majikan.

10. Siapakah yang akan menguatkuasakan PGM?

PGM dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JTK Sabah) dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak).

11. Di mana pekerja boleh membuat pengaduan berkaitan pelanggaran PGM?

Sekiranya terdapat pelanggaran terhadap PGM, pekerja boleh membuat pengaduan ke JTKSM, JTK Sabah dan JTK Sarawak.

12. Apakah tindakan yang boleh dikenakan terhadap majikan yang gagal mematuhi PGM?

Seksyen 43 Akta 732 memperuntukkan majikan yang gagal mematuhi PGM, jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

FAQ PERINTAH GAJI MINIMUM

- i. penalti bagi kesalahan pertama: denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja;
- ii. penalti am: denda tidak lebih RM10,000 bagi setiap kesalahan di mana penalti khusus tidak dinyatakan;
- iii. penalti bagi kesalahan berterusan: denda tidak lebih RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan
- iv. penalti bagi kesalahan berulang: denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun.

13. Di mana majikan dan pekerja boleh mendapatkan bantuan dan nasihat tentang dasar dan pelaksanaan gaji minimum?

A. Isu-isu Dasar

Sekretariat

Majlis Perundingan Gaji Negara

Kementerian Sumber Manusia

Aras 7, Blok Setia Perkasa 3, Kompleks Setia Perkasa

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62530 PUTRAJAYA

Tel: 03-8886 5156

Faks: 03-8881 0668

E-mel: minimumwages@mohr.gov.my

Laman sesawang: www.mohr.gov.my

B. Isu-isu Pelaksanaan/Penguatkuasaan

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Kementerian Sumber Manusia

Aras 5, Blok Setia Perkasa 3, Kompleks Setia Perkasa

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62530 PUTRAJAYA

Tel : 03-88865192

Faks: 03-8889 2368

FAQ PERINTAH GAJI MINIMUM

Emel : jtksm@mohr.gov.my
Laman sesawang: jtksm.mohr.gov.my

Jabatan Tenaga Kerja Sabah Kementerian Sumber Manusia

Tingkat 1, Blok C & D,
Bangunan KWSP P/S 14557
88852, Kota Kinabalu, SABAH
Tel : 088-238755/233820
Faks : 088-242445
Emel : jtknsabah@mohr.gov.my
Laman sesawang: jtksbh.mohr.gov.my

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Kementerian Sumber Manusia

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93532, Kuching, SARAWAK
Tel : 082-242261/414062
Faks : 082-244909
Emel : gajimin@mohr.gov.my
Laman sesawang: jtkswk.mohr.gov.my

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia

Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA
Tel : 03-88865460
Faks : 03-88862355
Emel : jppm@mohr.gov.my
Laman sesawang: jpp.mohr.gov.my